

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9338

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan rasional Kerajaan berterusan membawa masuk pekerja asing adakah pekerja asing tanpa izin yang sedia ada, serta pelarian Rohingya dan pelarian Syria tidak boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelulusan pengambilan pekerja asing semasa adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar majikan semasa permohonan dibuat dan akan dinilai mengikut kelayakan serta kemampuan setiap majikan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti memberi keutamaan pekerjaan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu. Penggajian pekerja asing adalah langkah sementara untuk menampung kekosongan jawatan. Selain itu, selepas tamat tempoh penggajian pekerja asing ini dikehendaki balik ke negara masing –masing.

Pekerja asing tanpa izin (PATI) yang sedia ada tidak boleh dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan buruh Negara. PATI tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak ada pengesahan rekod asal usul. Sehubungan itu, PATI tidak dapat dipertimbangkan untuk diberi kebenaran bekerja kerana akan menimbulkan risiko keselamatan kepada Negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji untuk melaksanakan dalam skala yang kecil dan dikawal selia ketat oleh Kerajaan.

Bagi Migran Syria yang telah menyertai Program Penempatan Sementara Migran Syria, kumpulan ini telah diberikan kebenaran untuk bekerja tertakluk kepada kelayakan masing-masing dan peluang pekerjaan yang ada. Namun begitu,

mengikut jangkaan yang dibuat berdasarkan daripada komitmen Negara untuk membantu 3,000 Migran Syria ini, hanya satu perempat sahaja daripada kalangan mereka yang dijangka akan memasuki pasaran kerja berdasarkan dari latar belakang mereka manakala yang selebihnya adalah terdiri daripada orang tua, kanak-kanak dan wanita suri rumah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
TARIKH : 1.11.2016
SOALAN : NO. 34

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi dalam menggalakkan usaha "*humanitarian aid*" di luar negara, yang giat diusahakan oleh beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di Malaysia kerana usaha ini dilihat telah banyak memberi pelbagai faedah termasuklah dalam meletakkan imej Malaysia sebagai sebuah negara sahabat di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menubuhkan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) sebagai platform menggerakkan agenda sukarelawan di peringkat KPT dan negara selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau [PPPM (PT)] untuk melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. YSS telah ditubuhkan pada tahun 2012 dengan visi untuk membangunkan Malaysia sebagai hub sukarelawan siswa dan melahirkan "ikon mahasiswa" dalam bidang sukarelawan di pentas global. Misi YSS adalah bertujuan menggalakkan, mendidik dan membimbing mahasiswa dalam sukarelawan untuk mempromosi keamanan dunia dan memupuk semangat setia kawan melalui perkhidmatan komuniti di dalam dan luar negara.

Sehingga kini, YSS telah menjalankan 21 Misi Sukarelawan Siswa berimpak tinggi di dalam negara iaitu di Sarawak dan Sabah serta di luar negara meliputi Laos, Vietnam dan yang terbaru di kem pelarian di Calais, Perancis. YSS telah melatih seramai 464 orang mahasiswa dari Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institut Pendidikan Guru (IPGM) menjadi sukarelawan siswa di pentas global.

Misi yang dijalankan oleh YSS adalah bersifat menyeluruh di mana mahasiswa yang dihantar akan menjalankan kerja sukarelawan berimpak tinggi selama 2 minggu sehingga 5 minggu menerusi 6 kluster YSS iaitu kluster pendidikan, kluster pembangunan komuniti, kluster agribio dan alam sekitar, kluster kesihatan dan perubatan, kluster krisis dan pengurusan bencana dan akhir sekali kluster Informasi Teknologi (ICT) dan keusahawanan sosial.

Pendekatan *Government to Government* (G to G) yang diamalkan oleh YSS telah memberi imej yang baik kepada Malaysia. Antaranya, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang dijemput untuk menyertai program sukarelawan tahunan di Vietnam menerusi kolaborasi YSS bersama Ho Chi Minh Youth Union yang telah memasuki tahun ke-4 penyertaan. Di Laos pula, YSS telah menandatangani MoU bersama Kementerian Pendidikan dan Sukan Laos bagi menjalankan Misi Sukarelawan secara berkala di negara tersebut.

Selain itu, 27 orang alumni YSS telah dipilih menjadi sekretariat pada *27th ASEAN Summit* di Kuala Lumpur pada tahun 2015. Mereka ditugaskan sebagai pegawai perhubungan kepada Perdana Menteri ASEAN dan Presiden Amerika Syarikat sepanjang persidangan. Pada 18 sehingga 21 April 2016 pula, seramai 14 orang alumni YSS telah dipilih dan berkhidmat sebagai *VIP Ambassador* kepada Menteri Pertahanan dan Ketua Angkatan Tentera daripada seluruh dunia pada *15th Defense Service Asia* di *Putra World Trade Centre*.